

PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI KOMUNITI ORANG ASLI DI MALAYSIA

Seow Ta Wee¹, Maryati Mohamed², Mohd Nur Syufaaf Bin Jamiran¹,
Zainal Zulhilmi Bin Zainal Abidin¹ & Siti Aminah Binti Mohd Sam¹

¹ Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan

² Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

tawee@uthm.edu.my; maryati@uthm.edu.my;
j_king4at@yahoo.com; zainal_zulhilmi@yahoo.com.my;
mimie_twinster89@yahoo.com.my

ABSTRAK

Orang Asli merupakan komuniti yang mudah terancam oleh arus pembangunan masa kini. Pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dan pihak swasta seperti perwartaan Taman Negara dan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) menggambarkan penggunaan sumber alam semula jadi secara maksimum di samping mampu menjana pendapatan negara dan meningkatkan taraf hidup komuniti setempat dengan pengwujudan peluang pekerjaan. Walaupun mereka dijanjikan dengan peluang-peluang ekonomi dan sosial seperti pemilikan tanah, peluang pekerjaan, pendidikan dan status, namun peluang-peluang yang ada jelas tidak menyeluruh dan mencukupi. Kertas kerja ini dihasilkan bagi mengupas pembangunan sosioekonomi Orang Asli oleh pihak kerajaan. Justeru, perancangan yang teratur perlu dilakukan terhadap komuniti bagi menjamin kelestarian kepada pembangunan Orang Asli di Malaysia.

Kata kunci : *Orang Asli, transformasi, kelestarian, sosioekonomi.*

PENGENALAN

Komuniti Orang Asli merupakan sebuah masyarakat minoriti peribumi yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Majoriti daripada mereka tinggal di kawasan hutan dan masih mengamalkan cara hidup tradisional yang banyak dipengaruhi oleh alam sekitar dan amalan lama tinggalan nenek moyang mereka. Takrifan Orang Asli dalam Perlembagaan Malaysia telah termaktub dalam Perkara 160(2) yang menyatakan bahawa Orang Asli adalah merujuk kepada Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu. Mengikut Akta 134 (Akta Orang Asli 1954) dibawah Fasal 3 menjelaskan :

- i. bapanya adalah seorang dari rumpun bangsa Orang Asli, yang bercakap dalam bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki itu;
- ii. mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan telah dididik sebagai seorang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli dan adalah seseorang itu dari sesuatu masyarakat Orang Asli ; atau
- iii. anak dari apa-apa persatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki

dari satu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi seseorang dari masyarakat Orang Asli.

Orang Asli juga dikenali sebagai Aslian dan seringkali dinamakan sebagai Sakai walaupun sebenarnya penggunaan nama tersebut tidak digalakkan. Hal ini kerana menurut persepsi umum, Sakai adalah kelompok manusia yang hidup di dalam hutan dan masih meneruskan gaya hidup yang bersifat primitif. Mereka juga dikatakan tidak mempunyai agama yang khusus dan tiada peraturan hidup dan dianggap sebagai bodoh dan tidak mahu menerima kemajuan malah ada yang mengatakan bahawa masyarakat ini hidup liar dan ganas (Er Ah Choy et al. 2010).

Orang Asli juga boleh dibahagikan kepada 19 sub golongan (Carey 1970). Walau bagaimanapun untuk tujuan pentadbiran, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (sekarang JAKOA) membahagikan sejumlah golongan tersebut kepada tiga kumpulan utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto yang juga disebut Melayu Asli. Pembahagian kepada golongan-golongan tersebut adalah berdasarkan rupa fizikal, bahasa dan adat yang diamalkan oleh setiap golongan.

Jadual 1.0 : Pecahan Kumpulan Kaum dan Rumpun Orang Asli Mengikut Negeri, 2008

Negeri	Senoi	Melayu Proto	Negrito	Jumlah
Johor	44	10,893	1	10,938
Kedah	-	-	196	196
Kelantan	9,702	19	1,086	10,807
Melaka	27	1,208	-	1,235
N. Sembilan	74	8,380	-	8,454
Pahang	23,120	26,892	780	50,792
Perak	40,856	410	1,575	42,841
Selangor	4,651	10,556	3	15,210
Terengganu	682	45	30	757
JUMLAH	79,156	58,403	3,671	141,230

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (2012)

Pelbagai program transformasi telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan secara berperingkat-peringkat. Kini pembangunan tersebut dilihat lebih menyeluruh sehinggakan komuniti Orang Asli juga turut tidak ketinggalan untuk menerima tempiasnya. Hal ini akan menimbulkan persoalan tentang impak yang diperolehi oleh Orang Asli ini sama ada lebih menerima impak positif atau sebaliknya. Tahap kesediaan dan ketahanan jati diri Orang Asli dalam menerima pembangunan menjadi kunci utama kepada permasalahan ini kerana sesebuah komuniti seharusnya mempunyai daya ketahanan sosial, ekonomi dan moral agar mereka dapat bersaing dan menentukan wawasan yang selari dengan persekitaran semasa dan bersedia menghadapi pelbagai halangan dan rintangan. Dengan itu, proses pembangunan tersebut dapat menjadi satu pemangkin kepada transformasi manusia dan persekitaran fizikal yang lebih berkualiti di samping dapat mengekalkan sosioekonomi dan budaya yang telah sekian lama diamalkan.

Dalam konteks pembangunan Orang Asli, terdapat dua pihak yang terlibat iaitu pihak yang membangunkan dan juga pihak yang dibangunkan. Pihak yang membangunkan merujuk kepada pihak kerajaan yang memerintah manakala pihak yang dibangunkan pula merujuk kepada Orang Asli. Hal ini bertepatan dengan teori sosiologi struktur fungsionalisme yang mengandaikan pelbagai aspek atau bahagian dalam sesuatu masyarakat mempunyai fungsi-fungsi tersendiri yang saling berkait dan bergantung untuk mencapai keharmonian, kesepaduan, kestabilan dan keseimbangan dalam proses perkembangan masyarakat yang berkenaan. Pihak kerajaan berperanan besar dalam membangunkan

masyarakat Orang Asli. Segala rancangan pembangunan yang telah dilaksanakan kini dilihat telah menyebabkan berlakunya perubahan terutamanya dari aspek sosial dan ekonomi mereka. Perubahan ini boleh dihuraikan dengan teori sosiologi, perubahan sosial. Itam Wali (1993) menyatakan terdapat dua jenis perubahan sosial yang boleh berlaku dalam masyarakat ataupun sesebuah negara. Perubahan sosial yang pertama ialah perubahan yang dirancang untuk membangunkan sesebuah komuniti manakala kedua ialah perubahan yang berlaku hasil daripada sesuatu pembangunan (Nor Aseken, 2009).

Kajian yang dilakukan oleh Nor Aseken (2009) adalah berkenaan dengan kesan perubahan sosial yang berlaku kepada masyarakat Orang Asli. Perubahan tersebut dilihat daripada dua aspek pembangunan iaitu pertama pembangunan yang dijalankan khusus untuk masyarakat Orang Asli itu sendiri. Sebagai contoh, hasil daripada rancangan pengumpulan semula telah menyebabkan perubahan persekitaran masyarakat Orang Seletar iaitu daripada kehidupan di atas laut kepada menjalankan kehidupan di atas darat. Sebagai usaha menggalakkan mereka tinggal di darat, kerajaan telahewartakan gazet tanah rizab untuk Orang Asli di bawah warta kerajaan GN.229 di Kampung Simpang Arang, sebagai satu kediaman Orang Asli yang diiktiraf dan dilindungi di bawah undang-undang Orang Asli (Akta 134).

Kedua pembangunan yang dibuat untuk negara tetapi memberi kesan kepada komuniti ini, sebagai contoh rancangan pembangunan seperti Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) merupakan pelan pembangunan yang dibuat oleh kerajaan untuk menjadikan Johor Selatan sebagai kawasan premier. Hal ini telah memberi kesan kepada penduduk yang berada mahupun di luar kawasan pembangunan tersebut terutamanya dari aspek peluang pekerjaan. Apabila persekitaran berubah, masyarakat Orang Asli juga turut terkesan oleh persekitaran tersebut. Ini menyebabkan pelbagai kesan dan perubahan ke atas kehidupan masyarakat Orang Asli seperti persaingan pekerjaan dan masalah sosial.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak didapati memang telah lama timbul kesedaran dalam masyarakat Orang Asli mengenai kepentingan pembangunan itu secara tidak langsung. Pembangunan yang dijalankan ke atas mereka merangkumi aspek kemudahan, keperluan asas dan infrastruktur seperti jalanraya dan ekonomi yang berbentuk order baru yakni dengan penggunaan wang sebagai pengantara. Hal tersebut jelas kelihatan dari kajian yang dijalankan oleh Shamsul Amri Baharuddin, 1972 ke atas Orang Asli Senoi- Semai di Pos Telanok, Pahang (Shamsul Amri Baharuddin 1972). Baharun


Azahar (1972) (dalam Hasan Mat Noor 2000:101), dalam kajiannya terhadap masyarakat Orang Asli di Parit Gong, Negeri Sembilan mendapati hampir keseluruhan masyarakat Orang Asli di situ terserap ke dalam ekonomi pasaran akibat daripada pembangunan yang telah direncanakan oleh kerajaan dan merumuskan bahawa masyarakat tersebut terintegrasi ke dalam ekonomi yang bersifat nasional.

Kajian M. Shah McInfire (1969) mengkaji aspek sosioekonomi Orang Asli di Hopi Arizona, Amerika Syarikat diketahui mengalami perubahan dalam kehidupan mereka yang menagmalkan ekonomi sara diri sebelumnya. Penerimaan tersebut juga telah membawa kepada perubahan dari aspek jenis-jenis rumah dan struktur kampung yang tradisional kepada yang lebih radikal akibat daripada kemerosotan sektor pertanian dan kenaikan upah gaji mereka. Objektif kertas kerja ini adalah untuk mengenalpasti usaha pembangunan yang telah dilaksanakan ke atas orang asli oleh pihak kerajaan.

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

Pihak kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah merencana pelbagai program dan dasar bagi membangun dan memajukan kawasan sasaran terutamanya kawasan luar bandar termasuklah perkampungan Orang Asli. Pembangunan dan kemajuan tersebut telah berlaku bermula apabila negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Hal ini dapat dijelaskan sebagaimana Rajah 1:

Rajah 1.0 : Peranan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah



Rujukan :
 (DEB) Dasar Ekonomi Baru
 (DPN) Dasar Pembangunan Nasional
 (DWN) Dasar Wawasan Nasional
 (FSPLB) Falsafah & Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar

Sumber: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (2012)

JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

Usaha yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) adalah selaras dengan Wawasan 2020 dan Dasar Ekonomi Baru. Garis panduan masyarakat Orang Asli telah dikaji semula ke arah mempercepatkan peningkatan taraf sosioekonomi di samping mengekalkan budaya mereka. Proses pembangunan Orang Asli dapat memberi kesejahteraan, keselamatan dan mengintegrasikan mereka dengan masyarakat lain ke arah mencapai matlamat yang dimasudkan, program yang dirancang dan dilaksanakan berpandukan kepada garis panduan seperti berikut:

- i. Akta 134, Akta Orang Asli 1954 (disemak 1974)
- ii. Dasar Pentadbiran Orang Asli 1961
- iii. Keputusan Jemaah Menteri 1977 Mengenai Rancangan Mengumpulkan Masyarakat Orang Asli yang tinggal berselerak di bawah Rancangan Pengumpulan Semula (RPS)
- iv. Panduan tugas pembangunan Orang Asli dalam masyarakat moden 1978.

Fokus area dalam menjayakan program pembangunan Orang Asli dibahagikan kepada tiga program iaitu Program Penempatan Tersusun, Program Pembangunan Ekonomi dan Program Pembangunan Sosial. Di bawah program tersebut, JAKOA telah merangka beberapa rancangan bagi menjayakan program pembangunan yang dijalankan.

Program Penempatan Tersusun

Program Penempatan Tersusun terdiri daripada beberapa program iaitu Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), Penyusunan Semula Kampung (PSK), Bencana Alam, Rancangan Kampung Baru (RKB) dan juga Pembangunan Tanah.

- i) **Rancangan Pengumpulan Semula (RPS)** : Terdapat 16 RPS diwujudkan untuk menempatkan masyarakat Orang Asli yang tinggal bertaburan ke dalam satu kawasan yang dibangunkan secara bersepadu yang melibatkan pembangunan tanah, kemudahan

- infrastruktur dan kemudahan awam serta kawasan perumahan. Projek ini diteruskan dalam RMK 9 dan pada tahun 2008 peruntukkan sebanyak RM14,444,000.00 disediakan iaitu : Pahang 7 - RPS, Perak - 6 RPS, Kelantan - 3 RPS.
- ii) **Penyusunan Semula Kampung (PSK)** : PSK merupakan projek pembangunan setempat melibatkan masyarakat Orang Asli di perkampungan tradisional yang tertumpu di pinggir bandar dan kawasan pedalaman. JAKOA menyediakan RM 8,793,000.00 untuk melengkapkan pelbagai kemudahan awam dan asas di penempatan mereka yang telah wujud sekarang tanpa memindahkan penduduk ini.
- iii) **Bencana Alam** : Projek ini melibatkan penempatan baru bagi penduduk yang terdedah kepada bencana alam yang mana melibatkan perkampungan yang dijangka berisiko tinggi menghadapi masalah ini. JAKOA diperuntukkan sejumlah RM 4,000,000.00 untuk tujuan tersebut.
- iv) **Rancangan Kampung Baru (RKB)** : RKB adalah rancangan penempatan semula kampung Orang Asli yang terlibat dengan pelaksanaan projek awam kerajaan seperti pembinaan empangan, pembinaan lapangan terbang dan sebagainya. JAKOA bertanggungjawab memastikan masyarakat ini menerima faedah dan kemudahan infrastruktur yang lebih baik berbanding dengan penempatan mereka dahulu. Terdapat tiga projek RKB iaitu RKB Lubuk Legong di Kedah, RKB Sungai Rual Di Kelantan dan RKB Sungai Kejar di Perak.
- v) **Pembangunan Tanah** : Projek ini lebih kepada memulihkan infrastruktur kampung dan memajukan tanah melalui kerjasama agensi seperti FELCRA, RISDA dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional yang memberi penekanan kepada strategi pembasmian kemiskinan dalam kalangan golongan termiskin. FELCRA telah membangunkan 9,105 hektar kawasan dan RISDA seluas 14,999 hektar.
- i) **Pembangunan Ekonomi Negeri** : Projek ini melibatkan pembangunan tanah di luar kawasan RPS dan tanaman kelapa sawit dan getah yang dilaksanakan oleh RISDA dan FELCRA. Bagi menjayakan agenda ini sejumlah peruntukan sebanyak RM2,660,000.00 telah disediakan pada tahun 2008.
- ii) **Projek Pengembangan Kursus** : Projek ini bertujuan memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan kepada petani, penternak dan nelayan melalui kursus, ceramah, lawatan sambil belajar dan latihan amali mengenai teknik-teknik atau teknologi moden dan komersial. Sejumlah RM9,000,000.00 telah disediakan bagi tahun 2008.
- iii) **Bimbingan Usahawan** : Projek ini menyediakan peruntukan bantuan berbentuk peralatan, mesin dan kursus atau latihan keusahawanan dalam mewujudkan usahawan Orang Asli yang berdaya tahan dan boleh maju selaras dengan hasrat kerajaan melibatkan bumiputera dalam bidang perusahaan kecil dan sederhana (IKS). Pada tahun 2008 sebanyak RM 380,000.00 peruntukan telah disediakan bagi program tersebut.
- iv) **Pembangunan Tanah Fasa II Negeri** : Projek yang melibatkan tanaman komersial getah dan kelapa sawit di kawasan tanah terbiar, kawasan tanaman semula dan kawasan pembukaan tanah baru yang dilaksanakan oleh RISDA dan FELCRA di Johor, Perak dan Kelantan. JAKOA telah menyediakan sejumlah RM 5,750,000.00 untuk tujuan ini.
- v) **Pembinaan Ruang Niaga** : Menyediakan kemudahan ruang niaga dan bengkel kepada peniaga atau usahawan Orang Asli di lokasi yang berpotensi dan teratur di samping meningkatkan perniagaan peruncitan, perkhidmatan dan pembuatan pembinaan ini merangkui kawasan di negeri Selangor, Melaka, Kelantan dan Pahang dengan peruntukan pada tahun 2008 sejumlah RM 320,000.00.
- vi) **Pelancongan Desa** : Projek ini lebih kepada memperkenalkan destinasi percutian dan rekreasi di penempatan Orang Asli yang berpotensi. Ini dapat menambahkan pendapatan ekonomi melalui persembahan kebudayaan, penjualan barang hasil hutan, menjadi pemandu pelancong dan sebagainya. Sejumlah RM 4000,000.00 peruntukan pada tahun 2008 telah disediakan bagi menjayakan program tersebut untuk kawasan Telok Tongkah di Selangor, Kg. Bukit Kepong di Negeri Sembilan dan Kg. Bakar Batu, Johor.

Program Pembangunan Ekonomi

Antara Program Pembangunan Ekonomi yang dijalankan oleh pihak JAKOA adalah Pembangunan Ekonomi Negeri, Program Pengembangan Kursus, Bimbingan Usahawan, Pembangunan Tanah Fasa II Negeri, Pembinaan Ruang Niaga dan Pelancongan Desa.

Program Pembangunan Sosial

Pada tahun 2008, JAKOA telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 58,540,000.00 untuk melaksanakan pembangunan sosial bagi tujuh komponen berikut :

- i) Program Perumahan Rakyat Termiskin
- ii) Perumahan Ketua Masyarakat
- iii) Infrastruktur dan Kemudahan Awam
- iv) Kesihatan dan Perubatan
- v) Pembangunan keluarga dan Masyarakat
- vi) Kemudahan Pentadbiran JAKOA
- vii) Program Pembangunan Minda

Kemiskinan Dalam Kalangan Orang Asli

Kemiskinan dalam kalangan Orang Asli masih berlaku hingga ke hari ini. Selain daripada kemiskinan, kualiti hidup yang rendah merupakan satu anggapan umum mengenai Orang Asli (Nor Zamani, 1999). Walau bagaimanapun, sebenarnya matlamat membasmi kemiskinan secara holistik telah dilakukan secara lebih sistematik apabila DEB diperkenalkan pada awal tahun 70-an. Kerajaan kini terus komited bagi membasmi kemiskinan dan menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi di dalam negara keseluruhannya. Sebagai contoh, bagi tahun 2012 sahaja kerajaan memperuntukkan RM 90 juta ringgit untuk penyediaan kemudahan asas termasuk memperluaskan projek bekalan air terawat serta program penjana pendapatan. Bukan itu sahaja, untuk memastikan keselamatan penduduk Orang Asli di kawasan Sungai Ruil, Cameron Highlands yang ditimpa bencana tanah runtuh, kerajaan memperuntukkan 20 juta ringgit bagi pemindahan penduduk ke kawasan perumahan baru (Noralida et al. 2012).

Kerajaan juga tidak menafikan masih wujud tompokan kecil kemiskinan di kawasan-kawasan seperti pedalaman Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sehubungan dengan itu, penekanan terhadap usaha-usaha pembasmian kemiskinan termasuk dalam kalangan minoriti Bumiputera Sabah dan Sarawak, kawasan setinggian, kawasan perladangan, kawasan pekebun kecil, dan seterusnya penempatan Orang Asli akan terus dipertingkatkan di bawah pelaksanaan dasar dan program yang direncanakan. Kajian oleh (Noralida et al. 2012) di Perkampungan Sungai Ruil, Cameron Highland mendapati bahawa majoriti Orang Asli masih berpendapatan rendah. Hanya 1.5 % daripada komuniti menerima RM1,500 hingga RM 2,000 manakala yang lain adalah kurang daripada RM 1,500. Jadual 2 menunjukkan status kemiskinan penduduk Orang Asli pada tahun 2000 hingga 2008.

Jadual 2: Status Kemiskinan Penduduk Orang Asli, 2000 – 2008

Tahun	KIR Penduduk Orang Asli				Jumlah
	Miskin Tegar	Miskin	Mudah Miskin	Tidak Miskin	
2000	11,046	10,085	2,085	2,121	25,337
2001	10,749	10,428	2,268	2,753	26,198
2002	10,788	11,732	2,599	3,357	28,476
2003	10,532	12,435	2,914	3,992	29,873
2004	18,027	6,673	-	-	24,700
2005	12,917	6,673	-	-	19,590
2006	9,003	4,942	-	-	13,945
2007	9,003	4,942	11,141	2,755	27,841
2008	9,003	4,942	11,141	2,755	27,841

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (2012)

PENJAGAAN KESIHATAN DAN PERUBATAN

Perkhidmatan Doktor Udara (*Flying Doctor*) telah dijalankan oleh Bahagian Kesihatan dan Perubatan JAKOA dengan menggunakan khidmat helikopter swasta. Keperluan perkhidmatan ini adalah dua hingga empat kali sebulan di kawasan-kawasan pedalaman Orang Asli daerah Gua Musang, Kelantan. Dalam pada itu, KKM juga turut bekerjasama dengan JAKOA dengan mengambil tindakan untuk melantik pegawai-pegawai yang sesuai untuk mengisi kekosongan jawatan di hospital tersebut dengan mengenal pasti Orang Asli yang sedang berkhidmat di fasiliti lain tetapi berminat untuk bertugas di Hospital Orang Asli supaya pegawai-pegawai ini boleh menjalani latihan induksi dan kemudiannya ditempatkan untuk berkhidmat di Hospital Orang Asli (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri, 2010).

Melalui JAKOA juga, Pusat Kesihatan Orang Asli telah dibina. Bagi memudahkan masyarakat Orang Asli, JAKOA telah membina 11 pusat transit di seluruh Semenanjung. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), JAKOA mengambil keputusan membina sebuah Pusat Transit yang terbesar di Hospital JAKOA Gombak yang dimulakan pembinaannya pada 2004 dan siap setahun kemudian dengan kos perbelanjaan RM2.7 juta (Berita Harian, 26 Mac 2011).

JAKOA (2012) melaporkan, bahawa dari segi kemudahan kesihatan sebanyak dua buah klinik desa dirancang akan dibina di negeri Kelantan dan Pahang. Manakala dua buah pusat transit dan pentadbiran di Grik, Perak dan Gua Musang, Kelantan serta beberapa buah balai rawatan bakal dibina pada tahun ini bagi meningkatkan taraf kesihatan Orang Asli. Semua projek ini melibatkan peruntukkan berjumlah RM 4,7000,000.00.

PENDIDIKAN ORANG ASLI

Pendidikan Orang Asli sering dipandang sepi dan kurang diberi liputan kerana majoriti masyarakat menganggap kaum minoriti terdiri daripada kira-kira 180, 000 (bancian 2010) itu tidak mahu pembangunan. Sejak akhir-akhir ini aspek pendidikan Orang Asli dilihat semakin meningkat. Menurut JAKOA, sejak 2000 hingga 2008, bilangan anak Orang Asli yang mendapat tawaran ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seramai 98 orang. Pada 2010, ia meningkat lebih baik kepada 370 orang dan 408 pada 2011. Semua data merangkumi pelajar di tahap matrikulasi, sijil, pradiploma, diploma dan sarjana muda. Apa yang menggembirakan ialah bilangan pelajar Orang Asli di peringkat sarjana muda semakin meningkat dari tahun ke tahun (64 orang pada 2006 kepada 207 pada tahun 2011) (Berita Harian, 26 Julai 2012). Jadual 5 merujuk kepada status pendidikan Orang Asli dari tahun 1997 sehingga 2008.

Jadual 5: Status Pendidikan Penduduk Orang Asli, 1997-2008

TAHUN	Status Pendidikan		
	IPTA	Menengah	Rendah
1997	10	3,306	16,806
1998	19	4,186	19,033
1999	26	4,653	21,131
2000	30	5,971	21,704
2001	35	5,239	20,871
2002	42	6,219	22,098
2003	112	6,675	23,607
2004	73	7,754	25,354
2005	62	8,488	26,210
2006	49	8,774	26,464
2007	61	9,600	26,791
2008	63	9,738	27,176

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (2012)

Pengikisan Budaya Asli

Kebudayaan Orang Asli sememangnya unik dan dijadikan sebagai salah satu warisan kebudayaan di Malaysia. Dari segi bahasa, pembangunan dan pewartaan hutan sebagai khazanah ekopelancongan, telah menyebabkan ramai penduduk Orang Asli dapat berbahasa Inggeris dengan baik. Hal ini adalah disebabkan oleh pergaulan rapat dengan para pelancong asing, walaupun mereka tidak berpendidikan tinggi. Sebagai contoh aktiviti pelancongan di Taman Negara boleh dikira sebagai salah satu

faktor yang mendidik masyarakat tempatan mempelajari bahasa Inggeris, cara berkomunikasi dan memahami budaya pelancong. Malah kini permintaan pemandu pelancong dalam kalangan Orang Asli semakin meningkat saban tahun (Yahaya Ibrahim 2009).

Dalam aspek pemakanan, Orang Asli menerima budaya pemakanan dari pelancong luar, Perubahan dalam budaya pemakanan terjadi dalam bentuk positif dan negatif. Perkara positif adalah apabila mereka berupaya menerima dan beradaptasi dengan makanan lain selain sumber makanan dari hutan. Penerimaan ini dapat membuka alternatif lain jika sumber hutan semakin berkurangan. Namun, perubahan budaya dalam kalangan orang muda telah menyebabkan budaya pemakanan yang negatif berlaku seperti budaya meminum arak (Zuriatunfadzliyah et al. 2009).

Pakaian tergolong dalam budaya reka cipta manusia berbentuk kebendaan (Zainuddin, 2001). Dalam aspek pakaian Orang Asli telah beradaptasi mengikut kesesuaian budaya mengikut persekitarannya. Sebagai contoh dalam komuniti Orang Asli etnik Bateq, pemakaian cawat dianggap tidak sesuai dan mereka perlu berubah. Dalam masa yang sama, peranan kerajaan dan pelancong mempengaruhi cara mereka berpakaian. Kerajaan secara tidak langsung 'memaksa' mereka melakukan difusi pemakaian. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemakaian tradisional tidak lagi diamalkan. Pakaian tradisional orang Bateq ialah cawat yang diperbuat dari kulit kayu. Kemudian pakaian mereka berubah kepada kain sarong yang dipakai sebagai cawat. Golongan muda cenderung untuk meniru pemakaian pelancong seperti memakai cermin mata hitam dan berseluar jeans (Zuriatunfadzliyah et al. 2009).

KESIMPULAN

Pihak kerajaan cukup komited dalam membangunkan Orang Asli melalui dasar dan program tertentu yang direncanakan supaya mereka lebih berdaya saing dalam arus globalisasi yang kian mencabar kini. Jika matlamat pembangunan Orang Asli tidak dipenuhi, pembangunan tersebut akan memusnahkan budaya yang telah terbina beribu tahun lamanya. Sebelum melaksanakan pembangunan juga sebenarnya, mereka harus mempunyai daya ketahanan sosial, ekonomi dan moral yang tinggi agar mereka dapat bersaing dan menentukan wawasan yang selari dengan persekitaran semasa dan bersedia menghadapi pelbagai halangan dan rintangan.

RUJUKAN

- Ali@Zainalabidin Syed Mohamed. 2006. *Impak Perwartaan Taman Negara Endau Rompin Dan Penswastaan Rancangan Pengumpulan Semula Terhadap Masyarakat Jakun Di Bekok, Johor*. Projek Penyelidikan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri. 2010. *Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan Suhakam 2010*.
- Berita Harian, 26 Mac 2012.
- Berita Harian, 26 Julai 2012.
- Dyer P, Aberdeen L, & Schuler, S (2003). *Tourism Impacts on an Australian Indigenous Community : A Djabugay case study*. *Tourism Management*, 24, 83-95.
- Er Ah Choy, Zalina Che Mat Ariffin & Joy Jacqueline Pereira. 2010. Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli : Kajian Kes Di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor Malaysia. *Jurnal Melayu* (5)2012: 295-314.
- Hasan Mat Nor, Shahrudin Idrus dan Sarah Aziz Abd. Ghani Aziz (pnyt). 2001. *Round Table Dialogues. Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). 2012. Program Pembangunan Ekonomi. Atas talian : <http://www.jakoa.gov.my/> [16 Disember 2012]
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. 2012. Data Pembangunan. Atas talian: http://www.rurallink.gov.my/evolution_and_transformation [06 Disember 2012]
- Mohd Ayob Abd Razip. 2010. Atas talian http://www.bharian.com.my/articles/Memahamimaksud_tanggungjawabtransformasi/Article/ [06 Disember 2012]
- Nor Aseken Binti Rosley. 2009. *Kajian Impak Pembangunan Terhadap Komuniti Orang Seletar: Kajian Kes Di Kg. Simpang Arang, Johor Bahru*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norlida Hanim Mohd Salleh, Redzuan Othman, Siti Hajar Idris, Abdul Hamid Jaafar, Doris Padmini Selvaratnam (2012). *Kesan Pembangunan Peolancongan terhadap Kelestarian Kehidupan Komuniti Orang Asli Kg. Sg. Ruil. Cameron Highland*. Prosiding PERKEM VII. JILID (2) 1200-1214.
- Noor Zamani Md. Noor. 1999. Peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Dalam Perubahan Sosio-Ekonomi Masyarakat Orang Asli : Kajian Kes Terhadap Suku Semai Di Pos Dipang, Sahom, Kampar, Perak Rohana Yusof. 2010. *Asas Sains Sosial : Dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tun Izhalmi. 2012. TPM : Tujuh Inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli. Atas talian : <http://www.klpos.com/umum/5070-tpm--tujuh-inisiatif-transformasi-pendidikan-orang-asli> [17 Disember 2012].
- Utusan Malaysia Online. 2012. RM66.6 juta untuk bina kediaman Orang Asli pada 2012: Shafie Apdal. Atas talian : http://www.bharian.com.my/bharian/articles/RM66_6jutauntukbina_kediamanOrangAslipada2012_ShafieApdal/Article/index_html [15 Disember 2012].
- Yahaya Ibrahim. 2009. *Komuniti, Pembangunan dan Transformasi*. Dlm. *Komuniti, Pembangunan & Transformasi*. Disunting oleh Yahaya Ibrahim. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Abidin. 2006. *Impak Perwartaan Taman Negara Endau Rompin Dan Penswastaan Rancangan Pengumpulan Semula Terhadap Masyarakat Jakun Di Bekok, Johor*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuriatunfadzliah Sahdan, Rosniza Aznie Che Rose, Habibah Ahmad. 2009. *Perubahan Budaya Orang Bateq Dalam Situasi Ekopelancongan Di Taman Negara*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.